

# PM dikurniakan darjah tertinggi Sabah

KOTA KINABALU, Isnin — Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Haji Mohamad Adnan Robert m a l a m i n i mengurniakan darjah tertinggi negeri — Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang melawat Sabah.

Kurniaan itu adalah sempena ulangtahun Yang Dipertua Negeri ke-56, 10 September lalu.

Turut hadir di upacara itu ialah Toh Puan Hajah Mariam Robert, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Datuk Pengiran Haji Othman Rauf dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk James Ongkili.